



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
13 MEI 2019 (ISNIN)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	PBT diminta audit taman permainan awam
MUKA SURAT	13

PBT diminta audit taman permainan awam

Kuala Lumpur: Pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa melaksanakan audit keselamatan semua taman permainan awam bagi mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mencegah kemalangan.

Aktivis keselamatan, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata PBT perlu menjalankan audit terbabit dengan bantuan agensi berkaitan yang memiliki kepakaran dalam menyelenggara taman permainan di bawah bidang kuasa masing-masing.

“Terdapat keperluan mendesak untuk semua PBT menjadi lebih proaktif dan mengamalkan budaya mencegah kemalangan bagi memastikan keselamatan taman permainan kanak-kanak di bawah bidang kuasa mereka.

“Mereka tidak boleh menunggu sehingga seseorang tercedera, terutamanya kanak-kanak, sebelum mengambil tindakan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Lam Thye berkata, Biro Pengaduan Awam sebelum ini melaporkan PBT menerima sebanyak 11,231 aduan mengenai taman permainan antara tahun 2015 dan 2016.

Isu keselamatan jadi keutamaan

Katanya, isu keselamatan menjadi kebimbangan utama apabila sebanyak 530 kes kemalangan berkaitan taman permainan dilaporkan antara 2014 dan 2016.

“Beberapa pihak berkepentingan mencadangkan supaya Garis Panduan Standard Keselamatan Taman Permainan, yang dipperkenalkan pada 2017, diwajibkan semasa merancang, mereka bentuk, membina dan menguruskan taman permainan.

“Mereka yang terbabit dalam mereka bentuk dan membina kemudahan sedemikian juga harus mengikuti spesifikasi beberapa taman permainan yang menepati keperluan Standard Malaysia (MS) yang akan diumumkan tidak lama lagi,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini empat taman permainan sedang dinilai, diperbaiki dan dibangunkan untuk mematuhi standard MS 966 untuk peralatan dan MS 2665 bagi permukaan tapak permainan.

Pada 24 November tahun lalu, seorang remaja perempuan berusia 15 tahun meninggal dunia akibat tersepit pada buaian yang dikhaskan untuk orang kurang upaya di taman permainan di Kepong, Selangor.

Insiden berkenaan menarik perhatian masyarakat yang mahukan aspek keselamatan ditingkatkan di semua taman permainan awam bagi mengelak berlakunya kemalangan sedemikian.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Pengguna Jalan Kusta tagih pembelaan
MUKA SURAT	46-47



Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusangroup.com.my

■ SUNGAI BULOH 12 MEI

JALAN Kusta berhampiran simpang lampu isyarat yang menghubungkan Jalan Hospital, di sini memerlukan perhatian segera pihak berwajib ekoran kerosakan teruk jalan itu sejak sekian lama.

Tinjauan Utusan Malaysia di lokasi mendapati, keadaan laluan tersebut sangat mengecewakan kerana mempunyai banyak kerosakan seperti turapan berlubang, tampaian tidak kemas dan permukaan tidak rata.

Keadaan itu sekali gus mengundang risiko berlakunya kemalangan kepada pengguna jalan raya terutama dalam kalangan penunggang motosikal.

Berdasarkan pemerhatian, laluan berdekatan kawasan industri itu sibuk dengan pelbagai kendaraan terutama lori yang



membawa muatan berat.

Sehubungan itu, kemasukan jentera-jentera berat di laluan itu dipercaiyai menjadi punca utama kerrosakan yang berlaku.

Selain itu, kegagalan pihak berwajib iaitu Majlis Perbandaran Selayang (MPS) memantau dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di lokasi yang sepatutnya diutamakan bagi mengalami kerrosakan menjadi lebih serius.

Berdasarkan pemerhatian, masalah sama turut berlaku di Jalan Hospital persimpangan Jalan Kuala Selangor dan Jalan Kusta 1 berdekatan stesen Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh.

Sehubungan itu, orang ramai menggesa supaya MPS segera turun padang meninjau se-

terusnya membaik pulih jalan rosak di kawasan itu demi keselamatan dan keselesaan pengguna.

Rata-rata pengguna juga mahu pihak berkuasa tempa-

uM
46 -

INFO

JALAN ROSAK

Lokasi

- Persimpangan Jalan Kusta ke Jalan Hospital
- Pesimpangan Jalan Kuala Selangor ke Jalan Hospital
- Jalan Kusta 1 (berdekatan stesen MRT Sungai Buloh)

Jenis kerrosakan

- Berlubang, merekah, berbatu dan berpasir, tidak rata, pecah

Seliaan

- Majlis Perbandaran Selayang





KERATAN AKHBAR 03 MEI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Pengguna Jalan Kusta tagih pembelaan
MUKA SURAT	46-47



KEMASUKAN
jentera
berat yang
dipercaya
menjadi
punca utama
kerosakan
jalan raya.



di laluan menuju
Buloh, Selangor.

tan itu memberi pembelaan se-wajarnya kepada mereka yang selama ini terpaksa berdepan dengan pelbagai risiko akibat jalan rosak teruk di kawasan berkenaan.



KEROSAKAN pada pembahagi jalan di Jalan Kusta, Sungai Buloh, Selangor. - UTUSAN/
AMIR HAFIZ ABD RAHMAN

REAKSI



"MASALAH jalan rosak tidak seharusnya dipandang remeh oleh pihak berwajib lebih-lebih lagi di laluan utama yang menghubungkan beberapa kawasan seperti kampung, hospital, stesen MRT dan kawasan industri."

ARIF ABDUL RAHMAN
Sungai Buloh

"SAYA harap pihak berwajib menggunakan peruntukan tahunan yang diumumkan kepada rakyat untuk membalaik pulih jalan yang rosak. Kualiti turapan juga perlu diambil kira untuk memastikan jalan ini tahan lasak dan tidak cepat rosak."

RADEN SALIKUN MUI
Kuala Lumpur



"MASALAH jalan rosak yang berpunca daripada kenderaan berat ini bagaiman tiada titik noktah. Kerja-kerja penyelenggaraan dan membalaik dijalankan saban tahun tapi masalah sama tetap berulang."

AMIR HAMZAH MAKMOR
Sungai Buloh



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PH usaha raih sokongan rakyat
MUKA SURAT	19

PH usaha raih sokongan rakyat

Muhasabah perbaiki kelemahan, tingkat prestasi pentadbiran

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Pimpinan PH diminta melanjutkan usaha, selain meneruskan amanah dan memikul tanggungjawab yang diberi rakyat pada PRU14 lalu.

Menyatakan demikian, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, semua pimpinan sama ada di peringkat negeri dan persekutuan serta pimpinan akar umbi perlu memastikan rakyat terus menyokong pentadbiran PH.

"Sudah pasti ini bukan satu tanggungjawab ringan, sebalik-

nya perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

"Selain itu, kita perlu muhasabah pada setiap masa dan waktunya serta melakukan penilaian diri agar dapat perbaiki kelemahan dan juga memenuhi keperluan serta kehendak rakyat," katanya ketika berucap pada Majlis Iftar Perdana Bersama Pemimpin di Masjid Ar Rahman Kampung Bukit Badong di sini semalam.

Amirudin berkata, negeri ini misalnya telah melangkah ke frasa seterusnya setelah berjaya melakukan perubahan dalam tempoh beberapa tahun lalu.

Menurut beliau, beberapa anjakan pada awal 2008 dilakukan termasuk menggerakkan dan merubah institusi-institusi seperti Dewan Undangan Negeri agar lebih berkualiti.

"Kita juga melakukan perubahan



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzuilefly Ahmad menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Amirudin pada Majlis Iftar Perdana Bersama Pemimpin di Kampung Bukit Badong semalam.

sudah pasti ini menjadi tema dan contoh sehingga negeri Selangor dianggap sebagai model kepada pentadbiran baru di negara ini," katanya.

Amirudin memberitahu, jika dahulu penekanan diberikan kerajaan negeri adalah memberikan kebijakan dan membantu rakyat di segenap pelosok sama ada baharu lahir hingga ke warga emas.

"Namun kali ini kita cuba mengkaji program bertujuan memperkasa bukan hanya memberikan bantuan berbentuk kewangan sebaliknya cuba melihat sama ada bantuan itu akan melonjak serta memperkasa negeri ke arah lebih baik," katanya.

m/s 19

Silai layari
sinarharian.com.my



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Cuaca tak menentu hingga sabtu ini
MUKA SURAT	24

Cuaca tidak menentu hingga Sabtu ini

SHAH ALAM - Cuaca tidak menentu khususnya hujan dan ribut petir diramal berlaku di Kuala Lumpur serta Selangor hingga Sabtu ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam laman sesawangnya semalam memaklumkan ia melibatkan beberapa kawasan di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Petaling, Gombak, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat.

Di Kuala Lumpur ribut petir diramal berlaku pada waktu petang hingga Khamis ini.

Cuaca baik pada hari Jumaat sebelum dijangka berlaku ribut petir di satu dua tempat kembali pada petang Sabtu.

Manakala di Selangor hujan diramal berlaku di satu dua kawasan setiap pagi hingga Sabtu.

Ribut petir dijangka di satu dua tempat pada waktu petang dalam tempoh sama.

Cuaca dilapor baik waktu malam hingga Sabtu ini.



Cuaca diramal tidak menentu di Selangor dan Kuala Lumpur hingga Sabtu ini.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Gangguan bekalan air di Klang pulih 99 peratus
MUKA SURAT	24

Gangguan bekalan air di Klang pulih 99 peratus

SHAH ALAM - Gangguan bekalan air di beberapa kawasan yang terjejas sekitar Klang kini mencapai tahap pemulihan sebanyak 99 peratus sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata buat masa ini pihaknya masih giat melaksanakan proses untuk meningkatkan paras kolam dan tekanan di sistem agihan bagi menstabilkan bekalan air di sana.

Beliau berkata, pemanfaatan dan tindakan di lapangan perlu terus dilaksanakan dan pihaknya juga turut menyediakan bantuan lori tangki untuk menyalurkan bantuan kepada pelanggan terjejas.

"Pihak kami ingin memaklumkan pemulihan telah mencapai tahap 99 peratus sehingga 12 tengah hari semalam dan pemanfaatan masih giat dilakukan di sistem agihan bagi menstabilkan aliran," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ekoran status pemulihan itu, Abdul Raof berkata



ABDUL RAOF

hanya satu pusat khidmat setempat masih diaktifkan iaitu di Taman Rakyat, Taman Sri Andalas bagi menyalurkan bantuan ke tiga kawasan terjejas yang masih belum mencapai pemulihan sepenuhnya iaitu Bandar Putra 2, Parkland dan Taman Sentosa.

"Kerjasama semua pelanggan untuk tidak membuat simpanan bekalan melebihi penggunaan amatlah dihargai bagi membantu kelancaran proses pemulihan ini," katanya.

Air Selangor turut mengingatkan mana-mana pihak agar tidak mempercayai sebarang hebahan mendakwa berlaku gangguan lain selepas ini.

rs/2



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Tak sanggup lihat rakyat susah
MUKA SURAT	24

Tak sanggup lihat rakyat susah

Gunaraj dan pasukan hantar air ke kawasan terjejas

MUHAMMAD AMINNURALIFF
MOHD ZOKI

KLANG

Takkan saya hanya nak duduk rumah sedangkan masyarakat dalam kesusahan', itu antara reaksi ADUN Sentosa G.Gunaraj mengenai gangguan bekalan air yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan ini.

Gunaraj berkata setakat ini dia bersama pasukannya menghantar air ke kawasan-baru terlibat dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

"Enam hari orang susah kerana gangguan bekalan air ini, takkan saya nak duduk saja di rumah, saya turun bertemu mereka.

"Setakat ini saya cuba bantu yang mana mampu dengan menghantar air ke kawasan terlibat di Sentosa ini, saya minta maaf andai ada kekurangan, saya tak sanggup lihat rakyat dalam kesusahan, jadi saya turun bertemu mereka," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Katanya, malam kelmarin dia membantu di Pangsguri Villa Perdana.

"Dua unit terlibat di mana air tak naik ke aras tangki atas melibatkan 400 unit rumah.

"Saya berusaha sedaya usaha, kita telah bersama membaitinya dan syukur sekarang keadaan sudah pulih," katanya.

Katanya, dia difahamkan ba-

nyak kawasan sudah menerima bekalan.

"Memang banyak perumahan yang positif malam ini, banyak yang sudah mendapat air, saya terima maklumat paip yang sedang dibaiki dalam perkembangan positif.

"Saya harap esok seandainya semua sudah selesai, rakyat dapat tidur dengan lena, tak payah fikir pasal air, apa pun saya harapkan semuanya sempurna," katanya.

Antara kawasan yang terlibat di Sentosa adalah Botanik, Taman Klang Jaya, Taman Sentosa dan Taman Samarinda dan beberapa lagi kawasan perumahan.

Insiden tiga paip utama pecah di tapak projek WCE sejak Sabtu lepas menyebabkan hampir 800,000 pengguna di 65 kawasan di Klang terjejas. **m124**

GANGGUAN
BEKALAN
AIR



Gunaraj bersama pasukannya menghantar air ke kawasan yang terjejas dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda.



KERATAN AKHBAR 03 MEI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Klik - Selayang
MUKA SURAT	24

[KLIK]

SELAYANG |
Seramai 650 keluarga di sini menerima bantuan baucer Jom Shopping Hari Raya Aidilfitri daripada kerajaan negeri yang disampaikan oleh ADUN Taman Templer, Mohd Sany Hamzan di pasaraya NSK, semalam.

m/s 24



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Masyarakat perlu ubah mentaliti
MUKA SURAT	33

Masyarakat perlu ubah mentaliti

BALAKONG - Mentaliti masyarakat yang menganggap tugas menjaga kebersihan di kawasan pangaspuri hanya tanggungjawab pihak tertentu sahaja perlu diubah.

Tahap kesedaran yang rendah terbukti apabila masih banyak sampah bertaburan di sekitar Flat Seri Pulai, di sini.

ADUN Balakong, Wong Siew Ki berkata, beliau turut menerima aduan berkaitan masalah kebersihan di kawasan itu.

"Segelintir masyarakat masih membuang sampah merata-rata walaupun rumah sampah telah disediakan di kawasan pangaspuri ini," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Gotong-royong Cegah Denggi di

flat itu, semalam.

Turut hadir Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Billy Sun dan Ketua Komuniti India Balakong, Christie Louis.

Siew Ki berkata, beliau dimaklumkan kawasan flat itu juga antara kawasan utama kes denggi.

"Sampah yang bertaburan di sekitar kawasan ini mungkin boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya.

Menurutnya, gotong-royong itu melibatkan MPKj, kontraktor KDEB Waste Management Sdn Bhd dan 30 penduduk flat itu.

"Saya berharap jumlah penglibatan penduduk akan meningkat dalam program gotong-royong yang akan dijalankan secara berterusan di flat ini.

"Ia merupakan satu perjuangan yang berpanjangan demi meningkatkan kesedaran penduduk mengenai kebersihan," katanya.

Beliau memberitahu, badan pengurusan bersama (JMB) flat itu juga dipercayai kurang aktif.

"Saya dimaklumkan hanya 20 peratus penduduk flat berkenaan yang membayar yuran penyelenggaraan," katanya.



Wong Siew Ki hadir dalam program gotong-royong cegah denggi di Flat Seri Pulai, di sini, semalam.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Lelaki sesak nafas hidu gas ammonia
MUKA SURAT	33

Lelaki sesak nafas hidu gas ammonia

FOTO EHSAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BANGI



Anggota Bomba dan Penyelamat memantau di lokasi kejadian.

BANGI – Seorang lelaki mengalami sesak nafas dipercayai akibat kebocoran gas ammonia di sebuah kilang ais di Sungai Tangkas, Bangi, kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bangi, Rosman Majid berkata, bomba menerima panggilan keemasan berhubung kejadian itu pada jam 5.55 petang.

“Seramai sembilan anggota dan pegawai bergegas ke lokasi kejadian. Sebaik tiba pekerja kilang terbabit memaklumkan terdapat kebocoran gas ammonia di kawasan proses utama,”

katanya.

Menurut Rosman, gas berkenaan boleh dihidu pada jarak 20 meter dari lokasi kebocoran.

“Terdapat kawasan keamanan berhampiran kira-kira 700 meter dari lokasi kilang. Mangsa berusia 50-an itu adalah orang awam yang memasuki kedai borong berhampiran sebelum mengalami sesak nafas dan mata merah akibat terhidu gas,” katanya.

Beliau memberitahu, anggota bomba dapat mngesan bunyi kebocoran paip. Semua suis operasi

info

Gas ammonia boleh dihidu pada jarak 20 meter dari lokasi kebocoran

dan injap paip berkaitan ditutup.

Katanya, dalam tempoh 30 minit ketika tiupan angin rendah bau gas tidak lagi dikesan pada jarak 10 meter.

Rosman juga memaklumkan mangsa dihantar ke Hospital Serdang untuk rawatan lanjut. **ms 33**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Rayu bantuan perubatan
MUKA SURAT	34

Rayu bantuan perubatan

Perlu bayar baki kos rawatan kimoterapi pemindahan tulang sum-sum

MOHD RIDZUAN
ABU HASSAN

BUKIT BERUNTUNG

P esakit kanser darah tahap tiga yang kini terlantar merayu bantuan perubatan berjumlah RM135,942 bagi menampung kos rawatannya.

Muhammad Azizi Abdul Aziz juga resah memikirkan baki kos sebanyak RM85,942 yang masih belum mencukupi.

Bapa kepada empat anak itu berkata, kos sebenar rawatan kimoterapi berjumlah RM115,942 tetapi RM30,000 dibayai Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia Cawangan Hospital Canselor Tuanku Mukriz (HTCM), Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Bantuan tersebut dapat menampung dua sesi kimoterapi sahaja dan bakinya



Muhammad Azizi sekeluarga menerima kunjungan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di rumah mereka di Taman Bunga Raya 2 semalam.

perlu ditanggung sendiri," katanya ketika ditemui di rumahnya di Apartment Teratai di sini semalam.

Katanya, selepas lapan sesi kimoterapi dia perlu menjalani pembedahan pemindahan tulang sum-sum memebabitkan kos RM50,000.

"Situasi ini menyebabkan saya memohon bantuan orang ramai selain memikirkan nasib isteri dan empat anak yang masih bersekolah."

Muhammad Azizi, 45,

berkata, dia bekerja sebagai penolong pengurus bahagian latihan di syarikat Perodua dekat Sungai Choh sejak 25 tahun lalu.

Menurutnya, sakit bahagian belakang yang semakin teruk pada Disember tahun lepas mendorongnya mendapatkan pemeriksaan lanjut di Hospital Tawakal, Jalan Pahang.

"Imbasan pengimejan resonans magnetik (MRI) menunjukkan kewujudan ketumbuhan tumor pada tulang belakang. Ketika itu,

saya menunjukkan surat jaminan (GL) Perodua tetapi sudah melebihi had maksima dan saya meminta dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Selepas tiga minggu di wad untuk pemeriksaan lanjut katanya, dia dibenarkan pulang dan disahkan menghidap kanser darah.

Muhammad Azizi memberitahu, dia kemudiannya perlu hadir ke hospital selepas Tahun Baru Cina tapi namun terpaksa mendapatkan rawatan awal

di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) kerana mengalami sakit belakang yang kritis.

"Sel barah telah merebak ke tulang bahagian belakang, tengkorak, rusuk, bahu, dada dan rahang," katanya.

Muhammad Azizi berkata, dia juga memohon bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan pernah didatangi satu persatuan diperdayai bukan Islam untuk membantu namun dengan syarat tertentu.

info
Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank CIMB bernombor 12330009882529 atas nama Muhammad Azizi


Menurutnya, cuti sakit selama 90 sudah habis digunakan dan kini pihak majikan memberikan cuti sakit berbayar.

"Cuti sakit yang diberikan dalam tempoh dua tahun dengan enam bulan pertama gaji dibayar penuh dan enam bulan kemudian gaji separuh dan bulan selebihnya tiada bayaran gaji," katanya.

Bagaimanapun kata-nya, enam bulan pertama akan berakhir pada Oktober ini dan dia nekad memulakan tugas bagi membolehkan keluarganya mendapat sumber kewangan.

Muhammad Azizi berkata, dia juga memohon bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan pernah didatangi satu persatuan diperdayai bukan Islam untuk membantu namun dengan syarat tertentu.

ms/34



Surat kelulusan bantuan RM30,000 daripada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia Cawangan HTCM.



AKHBAR	THE STAR- STAR METRO
TAJUK BERITA	Chaotic situation at Subang Jaya business hub
MUKA SURAT	2-3

Chaotic situation at Subang Jaya business hub

Better traffic management needed to deal with daily congestion in SS15

Page 2,3
StarMetro

By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

DRIVING within the SS15 Subang Jaya commercial centre is a skill in itself.

You would need good reflexes to manoeuvre your vehicle to avoid double-parked cars.

Then there's the traffic congestion where you could find yourself stuck along just one road for more than 20 minutes, day or night, on a weekday or weekend.

If by some miracle you manage to find a parking space, you may find your vehicle blocked by another, adding to your stress level.

This is a reality for most drivers, especially along Jalan SS15/4 and SS15/4b.

Business owners and those working in offices fronting the two roads are fed up of having to deal with daily traffic congestion.

Some say it is partly caused by the increasing popularity of bubble tea outlets but there is no doubt that inconsiderate motorists who refuse to follow traffic rules are also to blame.

Businesses affected

The business community is appealing to the authorities to do something.

SS15 Ad Hoc Business Committee representative Datuk Samson Maman said the entry point from the Jalan SS15/4 circle to exit from Jalan SS15/4b which used to take five minutes now takes 25 minutes and at certain times, 45 minutes.

The congestion can even last up till 1am.

Samson said bubble tea outlets had mushroomed from just one unit in SS15/4 to eight within a few months. This had increased traffic, especially at night, and brought a different type of clientele to the area:

He said haphazard parking was rampant along the stretch, often leading to quarrels and fights.

"Everyone has the right to do business but traffic enforcement needs to be beefed up to ensure orderly entry from SS15/4 and exit from SS15/4b, as well as clear exits for other areas."

Samson said the lack of enforcement by police and Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) had worsened the situation.

"There are hardly any traffic policemen here. If we can keep vehicles along the ring road of SS15/4 and SS15/4b moving then traffic along the route would also be smooth."

He claimed MPSJ tow trucks hardly clamped vehicles and the process often took too long.

"They need to ensure the road is clear and traffic is moving. Because there is no strict enforcement, motorists park haphazardly," he said.

Aside from traffic, Samson also highlighted the dilapidated condition of walkways in the commercial area and called on MPSJ's engineering team to rectify the problem.

Restaurant owner Terry Jee said his business, especially at night and over the weekend, was affected by the congestion along Jalan SS15/4.

"People simply park wherever they want and that makes it tough



Traffic is usually slow from the turning of Persiaran Jengka into Jalan SS15/4d where banks, pharmacies and restaurants are located.

— Photos: MUHAMAD SHAHRIL ROSLI and GLENN GUAN/The Star

for others to drive through.

"After 7pm, it becomes a free for all where you will see people leaving their cars anywhere and everywhere," he said.

Jee added that there was no enforcement at all at night and officers were seldom seen during the day.

He said customers complained about the lack of parking space even though there is a multi-storey carpark along SS15/4.

During StarMetro's visit to the SS15 commercial centre's multistorey carpark on a weekday during lunch hour, there were very few parking spaces available indoors and only a couple more on the rooftop.

Better traffic management

Lawyer Michelle M, who works along Jalan SS15/4, said it could take her 40 minutes just to drive out to the main road.

Michelle said even if she were to park elsewhere, she would still have to pass SS15/4 and could be

stuck in traffic for an hour.

"In the afternoon, traffic moves a little but from 5pm until late at night, you can be stuck here for longer."

Michelle said sometimes she would leave her office after 9pm, thinking that traffic would have subsided but to her dismay, it was even worse.

She added that Jalan SS15/4b also had a lot of potholes. Although the council would patch up the holes, not long after, the condition of the road would become bad again.

Lee Hong San, who runs a business along Jalan SS15/4b, said there was an ingress and egress problem.

"The council needs to study the entry and exit points. They should look into the traffic flow and adjust the timing of the traffic lights on the main road where necessary," he said.

Lee added that there was a lack of parking spaces in the commercial centre.

"I think they should look into



KERATAN AKHBAR 03 MEI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	THE STAR- STAR METRO
TAJUK BERITA	Chaotic situation at subang jaya business hub
MUKA SURAT	2-3

having a time limit for parking of about two hours,” he said.

Lee Weng Onn, an engineer, said a better traffic dispersal system was needed.

“The situation was an inconvenience in the past but has now turned into a nuisance. MPSJ should do something,” he said.

Lee proposed that the municipal council close one entry into the commercial centre and change the direction of traffic along Jalan SS15/4d to help ease vehicle movement within the business hub and for those traveling from there to Persiaran Jengka.

He said at present, it takes only one car trying to move out from Jalan SS15/4d to the right-most lane

of Persiaran Jengka to affect traffic flow at the junction.

“This affects those turning left and cars cannot move down SS15/4b. There are times you get stuck for 15 to 30 minutes,” he said.

Lee suggested that the entrance to the commercial area from Persiaran Jengka facing Jalan SS15/4 be closed, and motorists along Jalan SS15/4d make their exit just before SS15 Courtyard.

He said the current traffic direction along Jalan SS15/4d should be one-way but in the reverse direction.

“MPSJ needs to look at the traffic management system before new developments in the SS15 commercial area are completed.” /



AKHBAR	THE STAR- STAR METRO
TAJUK BERITA	Lack of park-and-ride facilities worsens problem
MUKA SURAT	3

Lack of park-and-ride facilities worsens problem

Page - 3 StarMetro

SUBANG Jaya Municipal Council (MPSJ) Zone 1 councilor Ken Chia acknowledged the lack of parking space in the SS15 commercial centre.

There are still no park-and-ride facilities at the SS15 LRT station, and because of this, some motorists are hogging parking spaces in the commercial area.

He said many of these commuters would purchase a monthly pass.


On the alleged lack of enforcement by MPSJ, Chia said officers could only compound double-parked vehicles if they are left unattended.

He said although the multistorey parking complex in SS15 was well-utilised during weekdays, at night, people do not want to use it because parking in the commercial area is free.

"This then leads to double-parked vehicles."

Chia said police would patrol the area at night when there were complaints.

When contacted, MPSJ Corporate and Strategic Management Department deputy director Azfarizal Abdul Rashid said enforcement officers had to deal with food truck operators who use



ACP Risikin says the police lack manpower to carry out enforcement round the clock.

the public parking space to run their businesses.

He said other issues they faced were difficulty in towing vehicles due to lack of space caused by double-parking.

To reduce congestion in the SS15

Ng says she will suggest to MPSJ to introduce timed parking in the SS15 commercial area.

commercial area, Azfarizal said the council managed traffic regularly and had increased enforcement such as towing and clamping vehicles and issuing compounds to vehicle owners who obstruct traffic in the area.

Chia says the multistorey parking facility is well-utilised during the day but not at night.

When contacted, Subang Jaya OCPD Asst Comm Risikin Satiman said they had received complaints of traffic congestion in the commercial area.

He said police were not able to conduct enforcement all the time

as they lack manpower and had other areas to focus on.

ACP Risikin said all agencies should work together to manage the traffic issue in SS15.

He said motorists' attitude had compounded the problem.

"When we carry out enforcement, people say we are out to get them. Our officers have also been treated rudely. We are doing our level best."

Subang Jaya assemblyman Michelle Ng said she welcomed any suggestion to improve traffic in the commercial area but any rerouting would need to be studied carefully.

On the lack of parking, Ng said Prasarana Malaysia Bhd and Sime Darby were supposed to build park-and-ride facilities at LRT stations.

"I believe if these facilities were available, it would alleviate the parking situation," she said.

Ng also encouraged visitors to the commercial area to use public transport as SS15 had a dedicated LRT station.

Ng added that she would also write to MPSJ to suggest the implementation of timed parking like in Taipan USJ and also stricter enforcement of double-parking.



AKHBAR	THE STAR – STAR METRO
TAJUK BERITA	New traffic plan for Puchong commercial hub
MUKA SURAT	4

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

A NEW traffic plan will be implemented in Bandar Puteri 1, Puchong, to ease traffic congestion in the commercial hub.

The new plan was approved by Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) after a series of discussions between Kinrara assemblyman Ng Sze Han and the Zone 16 Residents Association committee.

With the new plan, the exit from Jalan Puteri 1/1 into Lebuh Puteri (A) will be closed. Traffic will be directed towards Jalan Puteri 1/6 to exit into Lebuh Puteri (C) (See diagram).

A new entry from Lebuh Puteri into Jalan Puteri 1/1 will be opened (B). The one-way traffic from Jalan Puteri 1/4 will be reversed and directed towards Jalan Puteri 1/3 instead.

The road behind CIMB and Citibank will be used as a one-way shortcut.

Ng said Bandar Puteri 1 was the busiest commercial hub in Bandar Puteri, Puchong, and he received many complaints from residents about congestion in the area.

"We came up with this plan after liaising with MPSJ and the developer, and the residents association supported the plan," he said.

Bandar Puteri 8 Residents Association chairman Datuk Samson David Maman, whose area falls under Zone 16, said traffic congestion had been a problem for the past 10 years.

"Pedestrian safety is a concern. We hope the new plan will alleviate traffic congestion in the area," he said, adding that the discussion with MPSJ and the developer was ongoing.

"They have listened to our feed-back."

MPSJ councillor George Yap said road users had complained about the difficulty exiting Lebuh Puteri due to traffic congestion in the area.

He reminded the public not to double-park their vehicles as MPSJ enforcement officers would be deployed to patrol the area.

He added that orange traffic cones would be placed to guide people on the new traffic plan.

On another matter, Yap said MPSJ was cracking down on the rat population in Bandar Puteri 1.

As of 8am on May 11, 15 dead rats were collected. A similar programme will be carried out in Bandar Puteri 2 later this month.


New traffic plan for Puchong commercial hub

Page - 4
StarMetro

System will ease congestion in area during business hours



(From second left) Yap, Ng and Samson looking at the new traffic plan in Bandar Puteri 1.



(Above)
A diagram of the traffic plan in Bandar Puteri 1. — Photos: LOW LAY PHON/The Star

(Left) Orange traffic cones have been placed to guide motorists on the new traffic plan.



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	Klang water supply 98% restored
MUKA SURAT	5

Klang water supply 98% restored *Page -5*

SHAH ALAM: Water supply in Klang has been restored to 98% as of 6am yesterday following disruption due to a breakdown of main pipes near the Banting-Taiping West-Coast Expressway (WCE) last Saturday.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) customer relationship and communications department head Abdul Raof Ahmad said based on its monitoring, there were still disruptions in areas that are on higher ground and at the end of the distribution system.

He said areas that were still experiencing water supply disruption were Bandar Putera, Parkland, Bandar Sultan Sulaiman Industrial Area, North Port, Jalan Pelabuhan Utara and Taman Sentosa.

"Our focus is on stabilising and restoring supply to the affected areas and we request that users in these areas refer to official information."

"Any announcement claiming that there will be more water disruptions is not true. We are working to restore and stabilise water supply to all affected areas as targeted," he said in a statement yesterday.

Abdul Raof also urged the public not to store more water than required as it would affect the restoration process.

He said users wishing to obtain the latest information and status on water disruptions are advised to visit www.syabas.com.my, Facebook "Air Selangor" or Twitter @air_selangor.

About 800,000 consumers in 65 areas in Klang were without water after three main pipes burst near the WCE project site last Saturday.
- Bernama